

﴿ KHUTBAH 8 ﴾

ZAKAT PEMBELA GOLONGAN ASNAF

Dr. Mohd Kassim Tusin

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ وَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ شَهَادَةً تُنَجِّي قَائِلَهَا مِنْ
عَذَابِ النَّارِ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اَللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian.....

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru kepada sidang jumaat yang dirahmati Allah, marilah kita bertaqwa kepada Allah s.w.t dengan sebenar-benar taqwa. Laksanakan segala perintah dan kewajibannya serta tinggalkan segala larangannya. Semoga keimanan kita sentiasa meningkatkan darjat ketaqwaan, menguatkan nilai keikhlasan dan mengukuhkan rasa kesyukuran pada rahmat dan kasih sayang Allah s.w.t. Mudah-mudahan kita berbahagia di dunia dan di akhirat. Allah s.w.t berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ؕ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam”

(QS Ali-Imran [2] : 102)

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah.....

Mimbar hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk **“ZAKAT PEMBELA GOLONGAN ASNAF”**

Islam adalah agama yang diredai dan rahmat bagi sekalian alam. Islam mempunyai ajaran yang paling sempurna samada berkaitan hubungan manusia dengan Allah azza wajalla, hubungan manusia sesama manusia dan hubungan manusia dengan alam serta makhluk-makhluk yang lain.

Dalam hubungan sesama manusia, Islam amat mengutamakan pembinaan semangat ukhuwah dan mencela sikap mementingkan diri sendiri. Contohnya melalui pensyariatan ibadah zakat tersurat dan tersirat pelbagai hikmah sosial dalam kehidupan bermasyarakat. Ibadah zakat adalah termaktub sebagai salah satu daripada rukun Islam dan hukumnya wajib bagi setiap mukallaf yang berkemampuan. Malah ianya merupakan salah satu pembelaan yang tersedia kepada golongan-golongan penerima zakat samada dari aspek material mahupun moral.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah.....

Zakat mampu mengurangi jurang sosial antara golongan fakir miskin dan golongan berada. Ia merupakan salah satu sarana untuk membantu golongan

fakir dan miskin dalam memenuhi hajat dan keperluan hidup. Mengubah kemampuan berdaya beli rendah kepada peningkatan kemampuan berdaya beli. Kewajipan ini memberi dokongan kekuatan bagi umat Islam yang kurang berada agar mampu mendepani tuntutan keperluan ekonomi semasa. Ibadah zakat berupaya menimbulkan rasa tanggungjawab golongan berada kepada golongan fakir dan miskin serta menghidupkan ungkapan rasa syukur berterima kasih antara satu sama lain.

Sebagai contoh antaranya Pusat Zakat Sabah (MUIS) telah menganjurkan Program rintis Usahawan Asnaf sebagai usaha untuk mengeluarkan asnaf daripada belenggu kemiskinan. Dalam program ini para asnaf telah diberi pendedahan sebanyak 7 modul yang berfokus kepada kemahiran. Para peserta yang terdiri daripada golongan asnaf ini diberi kemahiran dan nilai tambah sebelum diberikan suntikan modal perniagaan untuk memastikan para asnaf mempunyai kepakaran dan pengalaman sebelum menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan. Program Usahawan Asnaf ini melibatkan kerjasama antara asnaf fakir, miskin dan muafak Pusat Zakat Sabah (MUIS), KEMAS dan Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Sabah.

Melalui pembudayaan ibadah berzakat dalam masyarakat maka suasana harmoni dan saling melengkapi antara golongan berada dan asnaf zakat akan menyingkir rasa iri hati, cemburu dan persepsi hina di dada golongan fakir miskin lantaran kehidupan mereka yang serba kekurangan berbanding kehidupan golongan atasan yang dilimpahi kemewahan. Justeru rasa hormat, kasih dan sayang antara dua darjat ini akan bersemi dan sekaligus mengukuhkan kestabilan dan keadilan sosial dalam menyeimbangi jurang pendapatan.

Firman Allah s.w.t dalam al-Quran;

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ

تُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾

Maksudnya:

“Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.”

(QS al-Baqarah [2] : 195)

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah.....

Selain daripada memberi peluang kepada golongan kaya untuk beramal ibadah melalui ibadah zakat dengan mengagihkan sebahagian kecil harta kekayaan mereka kepada asnaf, menunaikan ibadah zakat juga dapat membangunkan kehidupan golongan ini dengan lebih teratur. Ini khususnya dalam menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan keperluan asas kehidupan seperti tempat tinggal, makanan, pakaian, pendidikan dan kesihatan. Amalan ini akan mewujudkan rasa kesatuan dikalangan masyarakat Islam dalam urusan ekonomi dan kewangan.

Sebagai contoh, Pusat Zakat Sabah (MUIS) telah menyediakan pelbagai skim bantuan zakat mengikut keperluan asnaf dari aspek pembangunan rohani, pendidikan, kesejahteraan sosial dan peningkatan syiar Islam.

Justeru, setiap anggota masyarakat akan dapat menikmati kehidupan yang seimbang dan memenuhi tuntutan fitrah seperti yang digariskan dalam Maqasid Syariah.

Firman Allah s.w.t:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ
سَكِّنُ لَهُمْ سَلَاتٌ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

Maksudnya:

“Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya Engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka, dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

(QS al-Taubah [9] : 103)

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah.....

Ibadah zakat bukan sahaja bersifat pembelaan dari aspek material kehidupan, malah ibadah ini mampu memberi kekuatan modal dan mental kepada golongan asnaf zakat. Contohnya memberi kekuatan modal dan sokongan sosial kepada mereka yang baharu memeluk Islam (mualaf) untuk perkembangan potensi ummah yang merangkumi aspek kehidupan harian dari segi rohani mahu pun jasmani. Memberi kekuatan dan harapan kepada orang yang menuntut ilmu fisabilillah untuk terus gigih belajar dan mendalami ilmu pengetahuan di jalan Allah.

Peranan zakat begitu ketara sekali sepertimana cerminan pada lembaran sejarah keemasan daulah Umayyah di bawah kepimpinan khalifah Umar bin Abd Aziz. Beliau telah mampu membuatkan kehidupan seluruh rakyatnya aman, makmur dan sejahtera melalui kebijaksanaan strategi mengoptimumkan pendapatan negara melalui zakat. Para pembayar zakat terus meningkat, sementara para penerima zakat terus berkurangan.

Keprihatinan seperti ini tidak akan dapat dirasai melainkan dengan penghayatan ibadah zakat oleh mata hati yang tulus ikhlas kerana Allah. Jika ibadah solat merupakan manifestasi kecintaan hamba kepada Penciptanya, manakala zakat merupakan salah satu manifestasi kecintaan seseorang kepada saudaranya.

Anas bin Malik r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda;

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

Maksudnya:

“Tidak sempurna iman seseorang di antara kalian sehingga dia mencintai saudaranya sebagaimana dia mencintai dirinya sendiri”

(HR al-Bukhari dan Muslim)

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah.....

Marilah kita sama-sama melaksanakan segala tanggungjawab zakat yang telah disyariatkan oleh Allah kepada kita sebagai hamba-Nya. Semoga asnaf zakat akan terus terbela dan konsep menjaga hubungan sesama manusia akan terus dilestarikan. Menyantuni asnaf zakat merupakan kewajipan setiap anggota masyarakat. Kesempurnaan dan kemewahan tidak akan membawa erti sekiranya manusia tidak menjaga hubungan dengan Allah dan hubungan sesama manusia.

Dari Abu Hurairah r.a ia berkata;

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: (إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ وَلَكِنْ يَنْظُرُ
إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ).

Maksudnya:

“Rasulullah s.a.w bersabda: “Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa kalian dan harta kalian akan tetapi Dia melihat kepada hati-hati kalian dan perbuatan-perbuatan kalian.”

(HR Muslim)

Allah s.w.t berfirman didalam al-Quran;

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ
سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ

عَلِيمٌ

Maksudnya:

“Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandung seratus biji. dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakinya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnianya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya.”

(QS al-Baqarah [2] : 261)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.